

## Bahasa Melayu sebagai Bahasa Negara Bangsa: Kepentingan Melaksanakan Ujian Kecekapan Bahasa Melayu

Fadzilah Abd Rahman<sup>1</sup> dan Norazlina Kiram<sup>2\*</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia

<sup>2</sup>Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia

### ABSTRAK

Kajian mendapati bahawa sehingga kini belum ada instrumen yang dapat menguji kecekapan bahasa Melayu secara sistematik dan bersepadu, walaupun bahasa Melayu merupakan bahasa pengantar dan bahasa rasmi negara Malaysia. Oleh yang demikian, kajian ini membicarakan instrumen Ujian Kecekapan Bahasa Melayu (UKBM) dan kepentingan untuk melaksanakan ujian tersebut di Malaysia. Instrumen UKBMini telah dibangunkan pada 2012 oleh sekumpulan penyelidik UPM dengan kerjasama organisasi lain dan dibiayai oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Secara asasnya, UKBM dibangunkan dengan tujuan untuk menganalisis sejauh manakah rakyat Malaysia cekap menggunakan bahasa Melayu dalam kehidupan seharian mereka. Aspek pengujian UKBM terbahagi kepada empat aspek kemahiran, iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Keempat-empat aspek ini penting untuk dinilai dalam pengujian bahasa Melayu kerana ia saling berkait antara satu sama lain. Melalui UKBM yang menyeluruh dan sistematik, diharapkan bangsa Malaysia akan lebih berusaha untuk menguasai bahasa Melayu. Seterusnya, bahasa Melayu akan sehati dan menjadi jati diri bangsa Malaysia.

*Kata kunci:* Bertutur, instrumen, kecekapan bahasa Melayu, membaca dan menulis, mendengar, UKBM

### *Malay as the State of the Nation Language: The Importance of Malay Language Proficiency Test*

#### **ABSTRACT**

*Although Malay is the language of instruction and official language in Malaysia, thus far, there is no instrument available to test the*

#### INFO MAKALAH

*Pewasitan Makalah:*

Dihantar: 28 Ogos 2014

Diterima: 5 September 2014

*E-mail:*

[noraz@upm.edu.my](mailto:noraz@upm.edu.my) (Norazlina Kiram),

[dzila@upm.edu.my](mailto:dzila@upm.edu.my) (Fadzilah Abd Rahman)

\* Penulis Pengehubung

*proficiency of Malay language in a systematic and integrated manner. Therefore, this study discusses the Malay language proficiency test instrument (UKBM) and the importance of performing the test in Malaysia. UKBM instrument was developed in 2012 by a group of UPM researchers in collaboration with other organizations funded by the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI). Basically, UKBM is developed with the aim to analyze the extent of Malaysians competent use of Malay language in their daily lives. The UKBM test is divided into four skills: listening, speaking, reading and writing. These four skills are important to be evaluated in the Malay language testing because they are co-related. Through this comprehensive and systematic testing instrument, it is hoped that Malaysians would master the Malay language better. Hence, the Malay language could be integrated in our multiracial context and become a part of the Malaysian identity.*

*Keywords: Speaking, instrument, proficiency of the Malay language, reading and writing, listening, UKBM*

---

## **PENGENALAN**

Sejarah dunia membuktikan bahawa tamadun yang dibangunkan oleh manusia memerlukan satu sistem bahasa yang baik bukan hanya untuk berkomunikasi tetapi juga untuk mengungkapkan konsep dan nilai keintelektualan, merancang kegiatan ekonomi dan aktiviti kehidupan seharian. Dengan kata lain, bahasa mencerminkan kemajuan dan pemikiran sesuatu bangsa. Hal ini selari dengan pandangan Naquib (1990), yang mengatakan bahawa bahasa memiliki falsafah yang mampu mempertingkatkan rasa kebanggaan seseorang itu pada bahasa tersebut, mempunyai kuasa untuk mempengaruhi cara hidup penuturnya dan memiliki unsur

penting dalam pembentukan akal budi serta corak kehidupan masyarakatnya.

Hakikatnya, bahasa Melayu merupakan wahana penting dalam meningkatkan integrasi nasional dan jati diri pelbagai etnik di Malaysia. Berlandaskan aspirasi tersebut, masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum perlu menguasai dan menghayati nilai budi bahasa Melayu. Justeru, bahasa Melayu perlu dilihat sebagai instrumen yang jelas impaknya dalam konteks penyaluran ilmu dan peningkatan integrasi pelbagai etnik di Malaysia dan masyarakat antarabangsa. Hal ini selaras dengan Perkara 152, Perlembagaan Malaysia yang memperuntukkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan negara. Manakala, Akta Bahasa Kebangsaan 162/167 pula menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan tunggal dan bahasa rasmi negara. Hal ini bermakna, bahasa Melayu hendaklah sehati dalam diri dan menjadi identiti bangsa Malaysia. Walau bagaimanapun, masih ramai dalam kalangan rakyat Malaysia yang tidak menguasai bahasa Melayu biarpun Malaysia telah mencapai kemerdekaan lebih daripada 56 tahun. Menurut Teo Kok Seong (2014), fenomena semasa memperlihatkan bahawa generasi muda, terutamanya bukan Melayu tidak mendukung kedaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi kerana tidak boleh bertutur dan menguasai bahasa Melayu. Lebih malang lagi, bahasa Melayu merupakan satu-satunya bahasa di dunia yang tidak disanjung dan tidak di hormati oleh rakyatnya.

Sehingga kini, Malaysia belum mempunyai instrumen yang dapat menguji kecekapan bahasa Melayu secara sistematik dan bersepadu walaupun bahasa Melayu merupakan bahasa pengantar dan bahasa rasmi Malaysia. Hal ini berbeza dengan

kebanyakan negara lain di dunia seperti Eropah, Amerika Syarikat, Perancis, Korea, Jepun dan Indonesia yang telah mempunyai instrumen untuk menguji kecekapan bahasa rasmi masing-masing. Contohnya, TOFEL (*Test Of English as a Foreign Language*), IELTS (*International English Language Testing System*) TOEIC (*Test of English for International Communication*) bagi bahasa Inggeris, TEF (*Test d'évaluation du Français*) bagi bahasa Perancis, JLPT (*Japanese Language Proficiency Test*) bagi bahasa Jepun, KPE (*Korean Proficiency Test*) bagi bahasa Korea, dan UKBI (Ujian Kecekapan Bahasa Indonesia) bagi bahasa Indonesia.

Di Indonesia misalnya, Ujian Kemahiran Berbahasa Indonesia (UKBI) telah dibina dan penggunaannya telah diseragamkan di seluruh negara. UKBI merupakan satu ujian yang mengukur kemahiran berbahasa seseorang individu dalam aspek komunikasi dengan menggunakan bahasa Indonesia sama ada oleh warganya sendiri mahupun terhadap warga asing yang menetap di sana. Ujian ini meliputi lima bahagian atau *Seksi I* (Mendengar), *Seksi II* (Merespon kaedah), *Seksi III* (Membaca), *Seksi IV* (Menulis) dan *Seksi V* (Berbicara atau Bertutur). UKBI ini telah dikembangkan oleh Pusat Bahasa Departemen Pendidikan Nasional sejak 1997 dan dirasmikan penggunaannya pada 2006. Mulai 2013, semua bakal guru telah diwajibkan untuk menjalani UKBI ini sebagai salah satu syarat untuk menjadi guru di Indonesia. Usaha ini dilakukan sebagai salah satu cara untuk meningkatkan mutu dan kemampuan berbahasa Indonesia yang dilihat mulai luntur dan kerana penggunaan bahasa Inggeris yang semakin meluas. Pelaksanaan UKBI dilihat bukan sahaja berfungsi untuk meningkatkan kualiti

bahasa malah, penggunaannya dalam PdP juga dilihat dapat membantu dalam pemupukan sikap positif dan kebanggaan rakyat terhadap bahasa Indonesia itu sendiri.

Oleh itu, adalah sangat penting bagi Malaysia untuk membangunkan instrumen ujian kecekapan bahasa Melayu dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa negara bangsa. Melalui ujian kecekapan bahasa Melayu, keupayaan seseorang itu menggunakan bahasa Melayu secara berkesan dalam pelbagai konteks dapat dinilai. Dalam konteks pendidikan pula, aspek pengujian dan penilaian merupakan salah satu medium untuk memahami dan menganalisis kedudukan sesuatu perkara atau menerapkan sesuatu fenomena (Abedi, 2007). UKBM juga boleh digunakan sebagai salah satu alat Ujian Penarafan Kerakyatan di Malaysia untuk warga asing yang ingin memohon kerakyatan di Malaysia.

## **PENILAIAN KECEKAPAN BAHASA MELAYU**

Secara asasnya, penilaian ditakrifkan sebagai proses membuat pertimbangan dan keputusan serta memberikan pertimbangan nilai, mutu atau kualiti terhadap sesuatu perkara berdasarkan kepada pengukuran dan juga pengalaman penilainya sendiri (Mokhtar Ismail, 2009; Azizi & Mohd Isha, 2008). Tafsiran tentang nilai yang berkaitan dengan fenomena yang diuji hendaklah formal supaya dapat mencapai matlamat yang diinginkan atau mengatasi masalah yang dihadapi (Mokhtar, 2009; Popham, 1975). Dalam konteks artikel ini, penilaian kecekapan bahasa Melayu merujuk kepada satu proses penilaian yang sistematik dan menyeluruh, iaitu merangkumi keempat-empat aspek kemahiran berbahasa, iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

Keempat-empat kemahiran ini merupakan asas penting yang mesti ada pada setiap individu sebelum dikatakan cekap dan mahir berbahasa.

Hakikatnya, ramai dalam kalangan bangsa Malaysia yang tidak menguasai keempat-empat kemahiran yang disebutkan di atas. Misalnya, ada yang boleh bertutur tetapi tidak boleh membaca atau ada yang boleh bertutur tetapi tidak boleh menulis. Oleh yang demikian, tahap kecekapan bahasa Melayu golongan ini tidak boleh dinilai dengan baik. Justeru, sudah sampai masanya bangsa Malaysia diberikan kesedaran bahawa usaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa negara bangsa hanya boleh dicapai jika setiap individu menguasai kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis dengan baik. Apatah lagi, Malaysia sedang berusaha mencapai status negara maju menjelang tahun 2020. Selain itu, ia juga selari dengan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013-2025 yang menyatakan bahawa dalam menghadapi persaingan ekonomi global pada masa kini, kejayaan sesebuah negara amat bergantung pada ilmu pengetahuan, kemahiran dan kompetensi yang dimiliki oleh rakyat (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Berikutan itu, pembangunan instrumen Ujian Kecekapan Bahasa Melayu (UKBM) diharapkan dapat meningkatkan kesedaran, penggunaan, penghayatan dan kompetensi bahasa Melayu dalam kalangan bangsa Malaysia.

#### **PEMBANGUNAN INSTRUMEN, UJIAN KECEKAPAN BAHASA MELAYU (UKBM)**

Berdasarkan perbincangan di atas dan seiring dengan dasar kerajaan dalam Memartabatkan Bahasa Melayu Memperkasakan Bahasa Inggeris (MBMMBI), instrumen

menguji kecekapan bahasa Melayu telah dibangunkan. Matlamat utama penghasilan instrumen ini ialah bagi memenuhi keperluan mengadakan pengujian kecekapan bahasa Melayu yang bersepadu dan sistematik kepada pelbagai golongan masyarakat tempatan dan antarabangsa, penutur natif atau bukan natif, individu yang ingin belajar, bekerja atau menetap di Malaysia.

Secara khusus, UKBM dibangunkan untuk meningkatkan penggunaan bahasa Melayu yang berkualiti melalui pembelajaran dan fenomena pengujian. Seterusnya, meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan menguasai dan menggunakan bahasa Melayu, iaitu bahasa rasmi negara. Bahan yang diterapkan dalam instrumen ini juga merupakan wahana untuk memperkukuh jati diri, penghayatan nilai dan budaya masyarakat Malaysia. Kerangka pembangunan instrumen ini dibina dengan mengambil kira keperluan bagi masyarakat tempatan dan antarabangsa, iaitu mempunyai sekurang-kurangnya kemahiran asas berbahasa Melayu semasa menetap atau berada di Malaysia. Instrumen yang dibangunkan ini juga bertujuan untuk mendedahkan kepada calon antarabangsa tentang keharmonian dan keunikan nilai serta budaya masyarakat Malaysia. Hal demikian diterapkan melalui pemilihan bahan dan item penilaian yang bertemakan kepelbagaian budaya dan cara hidup masyarakat di Malaysia.

#### **PROSEDUR PEMBANGUNAN INSTRUMEN MENGUJI KECEKAPAN BAHASA MELAYU**

Prosedur penilaian yang betul perlu dilakukan untuk mendapatkan hasil dan dapatan yang tepat untuk membantu meningkatkan keupayaan kecekapan berbahasa Melayu murid. Secara

ringkasnya, prosedur penilaian merangkumi pengujian, pengukuran, penganalisan dan juga merumuskan dapatan yang telah diperolehi. Menurut Azizi dan Mohd Isha (2008), prosedur penilaian dapat dilakukan dalam lima peringkat yang umum, iaitu peringkat persediaan ujian, pemeriksaan dan pengukuran, analisis ujian, interpretasi dan tindakan susulan. Langkah-langkah yang dinyatakan bertujuan meningkatkan kesahan dan juga kebolehpercayaan ujian yang ditadbirkan.

Secara khusus, prosedur pembangunan UKBM dijalankan dalam dua fasa. Fasa pertama ialah membangunkan instrumen dan fasa kedua menguji kesesuaian instrumen. Tatacara pembangunan instrumen menguji kecekapan bahasa Melayu adalah berlandaskan model ADDIE (Rosset, 1987) yang mempunyai lima peringkat iaitu Analisis (*Analysis*), Rekabentuk (*Design*), Pembangunan (*Development*), Pelaksanaan (*Implement*) dan Penilaian (*Evaluate*).

a. Analisis

Peringkat ini menentukan konsep, atau definisi dan menentukan permasalahan serta fokus pembangunan instrumen secara keseluruhan. Dalam konteks pembangunan instrumen UKBM, fokus utama perbincangan dan persoalan termasuklah menentukan khalayak atau calon yang akan menduduki ujian, apakah kemahiran yang ingin diuji, tahap atau piawai kecekapan calon yang dingini serta keperluan teknikal yang diperlukan untuk melaksanakan penilaian UKBM. Penambahbaikan juga mengambil kira cadangan daripada Jawatankuasa Penilai.

b. Reka bentuk

Untuk mendapatkan andaian kecekapan penilaian berskala besar seperti UKBM, penyelidik telah menggunakan Teori Item Respons atau dikenali sebagai IRT (Frederic M Lord, 1980). Aplikasi Model IRT termasuklah:

1. Menyetara ujian
2. Membina ujian untuk memenuhi tujuan tertentu
3. Membina bank item
4. Mengenal pasti item yang berat sebelah (bias)
5. Membina ujian yang kesukarannya sepadan dengan kebolehan calon.

Dalam proses membentuk andaian skala UKBM, beberapa siri perbincangan telah diadakan. Langkah ini juga membincangkan skala yang bersesuaian dengan UKBM. Pada peringkat ini juga, wajaran dan subkemahiran bagi UKBM telah dibangunkan mengikut kesesuaian objektif pembangunan UKBM.

c. Pembangunan

Pembinaan konstruk item pengujian menggunakan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) dirangka khusus untuk memastikan keesahan dan kebolehpercayaan item yang dibina. Selain itu, domain kognitif, afektif dan psikomotor diseimbangkan dan disepadukan mengikut cadangan pemberatan setiap kemahiran bahasa. Sebanyak 18 tema telah dikenal pasti dan digunakan untuk membangunkan item kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

d. Pelaksanaan

Deskriptor kecekapan atau tahap skor dalam penilaian Ujian Kecekapan Bahasa Melayu diklasifikasikan atau dipiawaiakan berdasarkan tujuan calon

mengambil peperiksaan tersebut. Sebagai contoh, calon yang mengikut pasangannya belajar atau bekerja di Malaysia hanya memerlukan tahap skor yang rendah berbanding dengan calon yang bertujuan untuk belajar dan bekerja di negara ini. Tahap skor keseluruhan kecekapan disetarakan dengan tahap skor empat kemahiran bahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Selain itu, beberapa siri kajian rintis dijalankan untuk memastikan bahawa instrumen UKBM benar-benar mantap untuk digunakan.

- e. Penilaian
- Penilaian dilaksanakan supaya instrumen yang dibangunkan memenuhi keperluan dan mencapai objektif yang dihasratkan. Pelaksanaan aktiviti penilaian dilakukan secara berterusan merentasi semua peringkat aliran kerja berkaitan pembangunan UKBM. Penilaian pakar dilaksanakan pada peringkat pembinaan instrumen iaitu daripada penetapan konstruk kemahiran dan subkemahiran bahasa, penetapan diskriptor kecekapan, pembangunan dan penggubalan item dan kebolehtafsiran item.

Jelasnya, terdapat beberapa perkara yang mesti diambil kira dalam sesuatu alat ukuran atau ujian. Perkara tersebut termasuklah item yang digunakan mestilah jelas, item soalan hendaklah berkaitan dengan objektif ujian, sampel yang ingin digunakan mencukupi dan dapat mengukur kesahan alat ujian tersebut, item yang digunakan haruslah menggambarkan tingkah laku yang hendak diukur serta maklum balas yang diterima daripada item tersebut dinilai secara tekal (Brown, 1983). Apabila semua perkara yang dinyatakan

diambil kira, barulah sesuatu alat ukuran atau ujian itu dapat disahkan dan digunakan untuk diuji serta mengukur perkara yang hendak diukur terhadap responden yang dipilih. Jika ujian atau alat ukuran yang dibina mempunyai kesukaran dan tidak dapat mengukur perkara yang diinginkan seperti yang terdapat dalam objektif maka, alat ukuran tersebut boleh dinggap sebagai tidak sah dan boleh dipertikaikan.

### **ASPEK KEMAHIRAN BAHASA DALAM UJIAN KECEKAPAN BAHASA MELAYU**

Tahap kecekapan berbahasa Melayu boleh disamakan dengan tahap penguasaan kemahiran dalam bahasa Melayu. Kecekapan berbahasa Melayu boleh dikategorikan kepada empat kemahiran bahasa yang utama, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan juga menulis. Keempat-empat kemahiran ini saling berhubung kait dan memerlukan antara satu sama lain untuk mencapai kesempurnaan dalam aspek kecekapan berbahasa Melayu. Rajah 1 di bawah menunjukkan hubung kait antara keempat-empat kemahiran bahasa dengan kecekapan berbahasa Melayu.

Jadual 1 pula menunjukkan keempat-empat aspek kemahiran yang akan diuji dalam UKBM, iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis.


#### *Kemahiran Mendengar*

Kemahiran mendengar merupakan perkara asas dalam komunikasi berbanding kemahiran yang lain. Menurut Yahya Othman (2008), kemahiran mendengar merupakan satu proses penerimaan yang sangat penting dan perlu untuk dipelajari secara mendalam semasa sesi pembelajaran berlaku. Kajian mendapati bahawa

kemahiran mendengar berada di tahap yang tertinggi berbanding dengan kemahiran lain dalam aspek kecekapan berbahasa, iaitu sebanyak 42% (Floyd, 1985). Dalam hubungan ini, Floyd (1985) mengatakan bahawa mendengar merupakan kemahiran semula jadi yang diperoleh oleh seseorang melalui bahasa yang dituturkannya. Dengan kata lain, kemahiran mendengar merujuk kepada keupayaan seseorang itu untuk memahami dengan teliti perkara yang didengarinya dalam pelbagai situasi. Secara asasnya, mendengar melibatkan aktiviti berbahasa yang aktif kerana proses mendengar melibatkan penggunaan mental dan penilaian tahap kefahaman serta

memproses maklumat yang diperoleh daripada penutur.

Dalam konteks pembelajaran di sekolah, penguasaan kemahiran mendengar ini amat penting kerana pemahaman seorang murid itu terhadap sesuatu mata pelajaran bergantung kepada perkara yang mereka fahami untuk diteliti dan dihayati seterusnya tersimpan untuk menjadi ingatan. Sekiranya murid kurang cekap atau tidak mempunyai kemahiran mendengar, maka daya tumpuan mereka akan berkurangan dan sukar untuk memahami perkara yang ingin disampaikan oleh guru. Keadaan ini juga boleh mendorong murid menjadi pasif dalam pembelajaran dan kehidupan seharian. Terdapat dua jenis



Rajah 1: Aspek Kemahiran Kecekapan Bahasa Melayu

JADUAL 1  
Aspek Kemahiran UKBM

Bil.	Jenis Kemahiran	Masa	Keterangan
1.	Mendengar	15 minit	3 situasi (30 item)
2.	Bertutur	30 minit	3 pusingan (1 tema)
3.	Membaca	45 minit	4 petikan (40 item)
4.	Menulis	60 minit	2 esei (150 & melebihi 350 patah perkataan)
		2 jam 30 minit	

kemahiran mendengar, iaitu mendengar secara aktif dan mendengar secara pasif. Mendengar secara aktif melibatkan kedua-dua pihak, iaitu penutur dan juga pendengar melibatkan diri secara aktif dalam proses berkomunikasi. Contohnya situasi di dalam bilik darjah, guru akan bertindak sebagai penutur dan murid pula akan bertindak sebagai pendengar malah, situasi ini juga boleh berlaku secara sebaliknya.

Mendengar secara pasif pula tidak melibatkan tindak balas secara langsung daripada pihak pendengar. Proses komunikasi hanya berlaku dengan melibatkan penutur. Situasi yang sering berlaku dalam kehidupan seharian dalam menggambarkan proses mendengar secara pasif ini ialah situasi mendengar radio, menonton televisyen, mendengar kuliah dan juga mendengar ceramah. Walau bagaimanapun, pendengar perlu bersedia untuk mendengar dengan teliti tentang perkara yang disampaikan agar penyampaian maklumat itu dapat sampai kepada sasarannya.

#### *Kemahiran Bertutur*

Kemahiran bertutur merupakan satu keupayaan untuk meluahkan pendapat, menyampaikan maklumat dan perasaan sama ada secara kreatif atau kritis dengan menggunakan sebutan atau intonasi yang betul dengan cara yang sopan. Kemahiran bertutur merupakan satu proses melafazkan bunyi yang dikeluarkan melalui alat artikulasi manusia (Faiznur Fauzi, 2009).

Proses bertutur berlaku secara peniruan dan ajukan terhadap penutur natifnya. Namun, jika penutur natif menunjukkan cara atau contoh yang kurang memuaskan maka penutur yang baru ingin belajar akan menghadapi masalah. Kemahiran bertutur ini amat berkait rapat dengan kemahiran mendengar. Kajian yang dilakukan oleh

Floyd (1985) mendapati bahawa kemahiran bertutur menduduki tempat kedua dalam peratusan kecekapan berbahasa dan berada di bawah kemahiran mendengar. Daripada dapatan ini, jelas menunjukkan hubungan antara kemahiran mendengar dan juga kemahiran bertutur adalah rapat dan kemahiran ini juga tergolong dalam kemahiran lisan dalam bahasa Melayu. Terdapat beberapa aspek penting bagi menjadikan kemahiran bertutur berkesan. Antaranya ialah aspek sebutan, intonasi, jeda, tatabahasa dan juga tekanan. Aspek kefasihan, kelancaran dan penggunaan laras bahasa yang sesuai perlu diambil perhatian untuk memastikan bahawa proses kemahiran bertutur dapat dilakukan dengan lancar. Tahap kecekapan berbahasa Melayu, khususnya yang melibatkan kemahiran bertutur dipengaruhi oleh pelbagai aspek. Antara faktor yang dapat mempengaruhi seseorang untuk bertutur ialah faktor umur, jantina, persekitaran dan keadaan fizikal.

#### *Kemahiran Membaca*

Kemahiran membaca merupakan satu proses iaitu seseorang itu perlu menterjemahkan kembali lambang yang tertulis ke dalam lambang bunyi. Kemahiran membaca ini merupakan satu proses yang dinamik tetapi kompleks. Kemahiran membaca meliputi aspek keupayaan untuk mentafsir sesuatu yang dibaca dengan pantas, membuat interpretasi serta menganalisis bahan yang dibaca.

Apabila seseorang itu menguasai kemahiran membaca, bermakna bahawa individu tersebut telah berjaya meneroka lautan ilmu yang wujud dalam pelbagai bentuk karya, membina kemahiran untuk menilai, mengulas dan juga mengkritik perkara yang dibaca secara tepat serta dapat membina fikiran yang terbuka terhadap



sesuatu perkara (Zulkifley Hamid, 2005). Penekanan terhadap kemahiran membaca perlu diberikan perhatian kerana membaca dilakukan untuk mendapatkan kemahiran dan pemahaman untuk memperoleh maklumat baharu tentang perkara yang dibaca. Membaca juga dilakukan sebagai satu cara untuk memperoleh ilmu pengetahuan dan maklumat yang baharu serta dapat meningkatkan kecekapan berbahasa.

### *Kemahiran Menulis*

Proses menulis melibatkan aktiviti meluahkan buah fikiran, pengetahuan, teknik dan juga gaya penulisan ke dalam bentuk tulisan dan bukannya lisan. Aktiviti menulis melibatkan penggunaan alat tulis seperti pen atau pensel sama ada dengan cara menulis atau menaip sesuatu idea atau buah fikiran. Menulis merupakan catatan kata-kata dengan huruf dan memakai pena seperti kalam, kapur, pensel dan lain-lain. Kemahiran menulis melibatkan konsep yang berkaitan dengan proses penyaluran ilmu, idea atau maklumat dengan cara yang tersusun dan mengambil kira tentang tujuan penulisan, bahasa dan gaya yang dapat menggambarkan segalanya secara keseluruhan.

Dalam proses pembelajaran di bilik darjah, kemahiran menulis dianggap sebagai sesuatu yang amat penting. Hal ini kerana tulisan bertindak sebagai alat penghubung antara isi yang disampaikan dengan luahan buah fikiran seseorang. Jika tiada tulisan maka aktiviti kemahiran membaca boleh dilaksanakan. Terdapat beberapa tujuan dalam penulisan. Antaranya ialah untuk memberikan respons atau reaksi, komunikasi, ekspresi diri, sifat sejagat dan proses pembelajaran. Kemahiran menulis ini juga dapat dibahagikan kepada beberapa jenis. Antaranya ialah menulis secara

mekanis dan penulisan secara mentalis. Dalam penulisan secara mekanis, murid diberi pengalaman asas seperti menulis suku kata, rangkai kata dan penulisan asas yang lain. Penulisan secara mentalis pula melibatkan proses pengalihan idea atau pemikiran untuk menulis. Kemahiran menulis secara mentalis ini lebih melibatkan penggunaan mental dan fikiran.

### **DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

Muhyiddin Mohd Yassin (2011) dalam teks ucapan bagi Majlis Pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan 2011 mengatakan, “masyarakat perlu yakin dengan kemampuan bahasa kebangsaan sebagai bahasa ilmu dan bahasa kemajuan. Sekiranya bahasa kebangsaan tidak lagi digunakan di sekolah dan di universiti, perkembangan bahasa kebangsaan pastinya akan terbantut dan tamatlah riwayat bahasa kita sebagai bahasa ilmu”. Oleh itu, peranan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar perlu diperluas bukan sahaja ke peringkat pengajian tinggi tetapi juga ke pelbagai institusi lain di seluruh Negara dalam usaha melestarikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.

Melalui perkongsian hasil pembangunan instrumen, UKBM telah menarik perhatian dan mendapat tindak balas positif daripada pelbagai golongan masyarakat. Oleh itu, keperluan membangunkan UKBM daripada pelbagai kategori yang disesuaikan mengikut keperluan pengguna perlu diberikan perhatian. Secara umum, kategori UKBM yang dicadangkan adalah seperti yang berikut:

#### *1. Perujian Peringkat Sekolah dan Universiti*

Penguasaan kecekapan berbahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah rendah, sekolah menengah, murid tingkatan

enam, pelajar matrikulasi dan universiti masih lagi berada pada tahap yang kurang memberangsangkan dan keadaan ini telah menarik minat para pengkaji untuk mengkaji mengenainya (Chua Yan Piaw, 2006). Daripada kenyataan Chua tersebut jelas menunjukkan bahawa ketidakcekapan berbahasa Melayu bukan sahaja berlaku dalam kalangan murid sekolah rendah tetapi juga meliputi semua murid sama ada di sekolah atau di Institut Pengajian Tinggi (IPT).

Pada masa ini, masih belum ada lagi satu pengujian yang berbentuk komprehensif dan dinamik untuk menilai tahap kecekapan berbahasa Melayu, khususnya kepada pelajar yang akan melangkah ke institusi pengajian tinggi (Fadzilah, 2013) seperti pengujian *Malaysian University English Test (MUET)* yang wajib diambil oleh pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah. Jika diteliti hasrat pelaksanaan Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM, 2013) adalah amat wajar untuk mewujudkan satu modul atau ujian yang mirip kepada pengujian *MUET* dalam bahasa Melayu. Ujian ini seharusnya wajib diambil oleh setiap pelajar yang ingin memasuki IPT. Hal ini untuk memastikan bahawa hasrat memartabatkan bahasa Malaysia dan memperkukuh bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar universiti dapat dicapai. Melalui cara ini juga diharap pelajar cekap menggunakan bahasa Melayu dan Inggeris.

Untuk mencapai tahap penggunaan bahasa Melayu yang baik, masyarakat bukan sahaja perlu menguasai bahasa tersebut sebagai bahasa pengantar semasa proses pengajaran dan pembelajaran, tetapi juga perlu melihat sejauh mana bahasa tersebut

cemerlang dalam aspek penggunaannya (Zulkifley Hamid, 2005). Isu kecekapan berbahasa bukanlah merupakan isu yang lapuk untuk diperkatakan walaupun kini zaman telah melalui arus perubahan yang pesat dengan perkembangan teknologi dan perkomputeran (Mohamad Sofee, 2007). Penggunaan bahasa yang baik juga perlu dilihat sebagai satu cerminan daripada pengaplikasian teknologi yang telah dipelajari ke dalam aspek kecekapan berbahasa Melayu.

Pada peringkat Institusi Pengajian Tinggi pula, Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menjalankan ujian kecekapan berbahasa Melayu yang dikenali sebagai Ujian Komunikasi Bahasa Melayu (UKOM). Ujian ini diperkenalkan sebagai satu penilaian untuk mengenal pasti tahap komunikasi mahasiswa UPM dalam bahasa Melayu. Antara item yang diberikan tumpuan ialah sudut pemilihan kata, tatabahasa, intonasi dan gerak tubuh. Walau bagaimanapun, ujian ini masih dalam peringkat percubaan dan memerlukan beberapa penambahbaikan supaya dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Menurut Abdul Aziz (2000) dan Zulkifley Hamid (2005), murid Melayu seharusnya tidak mempunyai masalah dalam aspek penguasaan kemahiran berbahasa Melayu kerana mereka merupakan penutur natif. Keadaan ini seharusnya berbeza dengan murid bukan penutur natif seperti murid berbangsa Cina dan India. Namun, masalah penguasaan kemahiran berbahasa Melayu juga turut berlaku dalam kalangan murid Melayu. Perkara ini sering kali berlaku apabila mereka berkomunikasi, membaca, mendengar atau menulis perkara yang memerlukan tuntutan wacana atau tajuk perbincangan yang menggunakan perkataan yang sukar dan beraras tinggi.

## 2. *Perujian bagi Penutur bukan Natif dan Warga Antarabangsa*

Walaupun bahasa Melayu telah diiktiraf sebagai bahasa rasmi dan juga bahasa kebangsaan, namun masih ada dalam kalangan warga, khususnya bukan natif yang sukar untuk berkomunikasi dalam bahasa Melayu. Hal ini mungkin disebabkan oleh penyerapan dan pengamatan mereka yang terlalu lama terhadap bahasa tradisi mereka. Hal inilah yang menjadi masalah kini. Ramai warga bukan Melayu mengalami masalah bukan sahaja dalam pertuturan, malah mereka juga menghadapi masalah dalam mencerna maksud yang didengar serta sangat payah untuk menterjemahkannya ke dalam bentuk tulisan. Sebagai institusi yang memelihara, mengekal dan meningkatkan keselamatan, ketenteraman awam, keharmonian dan kesejahteraan serta perpaduan masyarakat, Kementerian Dalam Negeri (KDN) termasuk Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) perlu sentiasa mencari jalan agar aspirasi di atas tercapai lagi terkawal dan ditingkatkan dari masa ke masa. Dengan mewujudkan suatu dasar pengujian kecekapan bahasa rasmi negara yang integratif dan sistematik, pemastautin yang ingin memohon taraf kerakyatan atau pendatang yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat antarabangsa bukan sahaja dapat didedahkan dengan asas komunikasi bahasa Melayu tetapi juga dipupuk dengan nilai, budaya dan keunikan kehidupan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Hal ini sudah tentulah akan meningkatkan integrasi dan perpaduan negara Malaysia.

Jelasnya, kebolehan berbahasa yang sama merupakan aset yang berharga dalam mengekalkan perpaduan dan keharmonian sesebuah negara. Bahasa juga merupakan medium segala bentuk peradaban dan ilmu

pengetahuan yang boleh dikesinambungkan daripada satu generasi kepada satu generasi. Di samping itu, ujian kecekapan berbahasa merupakan salah satu langkah untuk meningkatkan kemampuan sesebuah masyarakat atau seseorang individu berkomunikasi dengan baik agar segala maklumat diterima dan disampaikan secara berkesan (Juntos, 2002).

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat dilihat betapa pentingnya isu kecekapan berbahasa Melayu dalam kalangan pelbagai lapisan masyarakat tempatan dan antarabangsa. Setiap pemastautin di Malaysia sekurang-kurangnya perlu mempunyai tahap penguasaan asas atau memadai untuk merealisasikan kehidupan masyarakat Malaysia yang harmonis dan bersatu padu. Segala dasar dan aspirasi kerajaan yang memerintah juga dapat disampaikan kepada segenap lapisan kaum dengan lebih berkesan. Oleh itu, cara terbaik yang dapat dilakukan oleh kerajaan untuk meningkatkan kecekapan berbahasa Melayu dalam kalangan warga pemastautin adalah dengan melakukan pengujian kecekapan. Pengujian yang dijalankan bukanlah bertujuan untuk mengkategorikan gred atau pencapaian warga tetapi merupakan satu terapi atau proses bantuan untuk meningkatkan lagi tahap kecekapan berbahasa Melayu mereka (Mc Clam dan Woodside, 2010).

## 3. *Pengujian bagi Golongan Penjawat Awam dan Profesional*

Kecekapan berbahasa merupakan kemampuan seseorang individu dalam menggunakan bahasa sebagai medium penyampaian dan menterjemahkan sesuatu perkara. Kecekapan berbahasa dilihat

penting dalam kehidupan seharian individu kerana segala maklumat yang diperolehi dapat diterima dan disampaikan secara berkesan (Juntos, 2012).

Memang menjadi hasrat kerajaan untuk melahirkan penjawat awam yang cekap dan cemerlang. Kebiasaannya, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menguji tahap kecekapan kakitangannya melalui peperiksaan ataupun kursus yang berkaitan. Penilaian tahap kecekapan ni dilakukan bertujuan untuk menentukan kemajuan dan juga pergerakan gaji tahunan (Jabatan Perkhidmatan Awam, 2004). Daripada tujuan penilaian tersebut, dapat disimpulkan bahawa tahap kecekapan berkait rapat dengan proses penilaian atau peperiksaan yang bertujuan untuk meningkatkan sesuatu kemahiran atau perkara. Kecekapan berbahasa, iaitu kemampuan seseorang individu itu menggunakan bahasa dalam konteks penyampaian atau menterjemahkan sesuatu perkara sangat penting dikuasai para penjawat awam. Hal ini demikian kerana penjawat awam yang berketrampilan dalam berbahasa akan lebih mudah memahami arahan atau berkomunikasi kerana segala maklumat yang diperolehi dapat diterima dan disampaikan secara berkesan.

Ujian kecekapan berbahasa yang dibina dilihat sebagai salah satu cara yang dapat digunakan dan diaplikasikan kepada penjawat awam untuk menilai tahap kemampuan atau kecekapan individu itu dalam aspek penggunaan bahasa semasa bertugas. Kemahiran berbahasa Melayu meliputi empat kemahiran bahasa yang asas iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Kemahiran mendengar dan bertutur dapat dikategorikan ke dalam kemahiran lisan. Manakala, kemahiran membaca dan menulis dikategorikan ke dalam kemahiran

bukan lisan. Penguasaan keempat-empat kemahiran ini akan memastikan bahawa kelancaran dan keberkesanan perkhidmatan penjawat awam di setiap sektor dapat dilestarikan.

## **PENUTUP**

UKBM merupakan satu set ujian yang meliputi pengujian kemahiran bahasa Melayu bagi keempat-empat kemahiran berbahasa. Ujian ini dibina untuk melihat dan mengenal pasti tahap kecekapan berbahasa Melayu dalam kalangan pelbagai lapisan individu yang mendudukinya. Sebagai contoh, jika ujian ini dijalankan di sekolah, dapatan yang diperolehi boleh digunakan oleh guru dalam menilai tahap kecekapan murid mereka, di samping dapat mengenal pasti kekuatan dan kelemahan murid dalam usaha memperbaiki mutu pengajaran guru di dalam kelas. UKBM juga dilihat sebagai persediaan masyarakat dalam menghadapi persaingan ekonomi global masa ini kerana kejayaan sesebuah negara itu bergantung pada ilmu, kemahiran dan kompetensi yang dimiliki oleh rakyatnya. Seterusnya, sebagai seorang warga Malaysia yang lahir dan dibesarkan di negara ini, setiap warga perlu mempunyai kesedaran dalam diri mereka untuk terampil berbahasa Melayu dalam kehidupan harian mereka. Dalam hubungan ini, bangsa Malaysia hendaklah berasa bangga menggunakan bahasa Melayu walau di mana sahaja mereka berada. Apatah lagi bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi Malaysia. Kecekapan setiap warga menggunakan bahasa Melayu sama ada semasa berkomunikasi, menggambarkan jati diri dan keperibadian mereka sebagai seorang warga negara Malaysia yang berdaulat. Hal ini secara tidak langsung

dapat merealisasikan hasrat negara untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa negara bangsa.

## BIBLIOGRAFI

- Abd Aziz Abdul Talib. (2000). *Pedagogi Bahasa Melayu: Prinsip, Kaedah dan Teknik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abedi, J. (2007). Utilizing Accommodations in the Assessment of English Language Learners. In N. H. Hornberger (Ed), *Encyclopedia of Language and Education*: Vol. 7: Language Testing and Assessment (pp. 331-348). Heidelberg, Germany: Springer Science Business Media.
- Azizi Ahmad & Mohd Isha Awang. (2008). *Pengukuran dan Penilaian Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Brown, G.K. (1983). *Health Care Research Project, School of Nursing*. Nashville: Vanderbilt University.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Asas Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.
- Fadzilah Abd Rahman, Norazlina Mohd Kiram, Habibah Ab Jalil, Rusnani Jusoh, Hazri Jamil & Nordin Abd Razak. *Pembangunan Ujian Kecekapan Bahasa Melayu. Projek Penyelidikan E-Science MOSTI*. 2011-2013.
- Faiznur Fauzi. (2009). *Kemahiran Berbahasa*. Diselusuri daripada <http://pelangipetang89.blogspot.com/2009/06/kemahiran-berbahasa.html>
- Gronlund, N.E., (1981). *Measurement and evaluation in teaching*. New York: Macmillan Publishing.
- (2004). *Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu (2002)*. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- (2004). *Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan 6 (2004)*. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- James Floyd (1985). *Listening: a Practical Approach*. United Kingdom: Addison Wesley School.
- Juntos, H. (2002). *Language Testing Option*. California: Robert Wood Johnson Foundation.
- Lord, F.M. (1980). *Applications of Item Response Theory to Practical Testing Problems*. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates, Inc.
- Mc Clam & Woodside. (2010). *Helping Process Assessment To Termination (1st Ed.)*. Boston: Cengage Learning.
- Mohammad Naquib Al Attas. (1990). *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Mohamed Sofee Razak. (2007). *Intelek Kurang Membaca*. Utusan Malaysia 26 November.
- Mokhtar Ismail. (2009). *Pentaksiran Pendidikan: Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dawama Sdn. Bhd.
- Muhyiddin Mohd Yassin. (2011). *Teks Ucapan Majlis Pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan*. (2004). *Penilaian Tahap Kecekapan: Membudayakan Kecemerlangan dalam Perkhidmatan Awam*. Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.
- Popham, W.J. (1975). *Education Evaluations*. New Jersey: Prentice Hall Inc.
- Rossett, A. (1987). *Training Needs Assessment*. New Jersey: Educational Technology Publications.
- Teo Kok Seong. (2014). *Siri Wacana Pemartabatan Bahasa Kebangsaan, Muzium Diraja, Istana Negara Lama*. Kuala Lumpur pada 24 Februari.
- Yahya Othman. (2008). *Proses dan Strategi Membaca Berkesan*. Serdang: Penerbitan Universiti Putra Malaysia.
- Zulkifley Hamid. (2005). *Penilaian Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

